

Pesakit miskin dijamin ke IJN

Mn.M. 13 JUN 1993

KKUALA LUMPUR 12 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan tanggungjawab sosial kerajaan untuk menanggung kos rawatan bagi kakitangannya dan rakyat yang berpendapatan rendah di Institut Jantung Negara (IJN) akan terus dikekalkan, walaupun ia telah diperbadankan.

Katanya, matlamat pe-

nubuhan institut itu ialah untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan pakar bagi merawat semua rakyat Malaysia dan bukannya golongan berada sahaja.

Perdana Menteri berkata, daripada 1,683 pesakit yang mendapat rawatan di IJN setakat ini, 863 orang atau 51 peratus terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

"Ini sejajar dengan kehendak kerajaan supaya 55 peratus daripada jumlah pesakit yang dirawat di IJN mestilah terdiri daripada golongan miskin manakala golongan berada pula dihadkan kepada 15 peratus sahaja dan bakinya golongan berpendapatan pertengahan," tambah beliau.

Berucap merasmikan

■ Lihat muka 4

Mn.M. 13 JUN 1993

Pesakit miskin dijamin ke IJN

institut itu di sini. Perdana Menteri turut menyarankan semua pengurus hospital membentuk satu piawaian yang boleh dijadikan ukuran kualiti bagi sesuatu perkhidmatan atau kemudahan yang diberikan.

Beliau berkata, piawaian tersebut perlu meliputi aspek-aspek kemudahan asas, peralatan, teknologi tinggi serta kemahiran dan latihan kakitangan.

"Setiap hospital perlu dilengkapi dengan peralatan yang memuaskan, canggih dan berteknologi tinggi, bagaimanapun kelengkapan sedemikian tidak akan dapat menjamin satu perkhidmatan berkualiti sekiranya kemahiran kakitangan tidak dapat ditingkatkan," katanya. Dr. Mahathir berkata, pihak hospital perlu menyediakan latihan-latihan dalam perkhidmatan sama ada di dalam atau luar negara bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran mereka.

Katanya, dengan adanya kakitangan terlatih dan mahir, sudah pasti mereka dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai dan pesakit.

Di samping itu menurut beliau, penyenggaraan peralatan yang digunakan juga perlu diberi perhatian bagi memastikan peralatan tersebut dapat berfungsi dengan baik setiap masa serta mempunyai daya ketahanan.

Menurut beliau, beberapa inovasi serta kemudahan baru juga perlu diperkenalkan oleh pihak hospital dari masa ke masa antaranya program atau aktiviti bagi mencapai

kecemerlangan atau meningkatkan kualiti dalam perkhidmatan.

Perdana Menteri berkata, konsep kualiti mempunyai tafsiran dan makna yang luas dan berbeza antara satu sama lain.

Sesetengahnya kata belih, mengaitkan kualiti sesuatu perkhidmatan dengan kos iaitu lebih tinggi kos sesuatu perkhidmatan lebih baik kualitinya.

Bagi sektor swasta pula kata Dr. Mahathir, kualiti pula mungkin bermakna peningkatan dalam keuntungan syarikat yang diukur daripada pertambahan dalam jumlah jualan dan pelanggan.

"Ada juga mengatakan perkhidmatan dan layanan kakitangan yang memuaskan seperti bersopan santun, mesra, cekap menepati masa dan boleh dipercayai sebagai perkhidmatan berkualiti manakala sesetengahnya menganggap semakin canggih teknologi yang digunakan dalam perkhidmatan semakin tinggilah kualitinya," tambah beliau.

"Bagaimanapun bagi saya, secara amnya perkhidmatan berkualiti ialah perkhidmatan yang dapat memenuhi harapan pesakit dan mereka berpuashati dengan tahap layanan yang diterima sewaktu datang untuk menerima rawatan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan juga mestilah selamat, dapat berfungsi dengan baik dan menepati masa bagi memberi faedah yang maksimum kepada orang ramai.

Katanya, maklumat-maklumat

yang ditulis oleh jururawat atau doktor mengenai pesakit juga hendaklah tepat dan jelas agar kesilapan tidak berlaku apabila pesakit dirujuk ke bahagian atau kakitangan lain.

Perdana Menteri berkata, daya tahan sesuatu kemudahan yang disediakan perlu turut diambil kira, contohnya ubat yang diberikan kepada pesakit hendaklah diisi dalam bekas yang tidak mudah rosak apabila digunakan.

Katanya, pendedahan mengenai kemalangan akibat kecuaihan sejak kebelakangan ini membuktikan profesion perubatan tidak terlepas daripada kritikan.

"Ini jelas membuktikan rakyat Malaysia kini lebih peka akan hak-hak mereka dan berani menuntut mutu perkhidmatan rawatan perubatan yang lebih baik," ujarnya.

Mengenai IJN beliau berkata, penubuhan institut ini bertujuan meningkatkan kepakaran negara dalam perkhidmatan rawatan penyakit jantung di samping menjadi pusat rawatan, rujukan dan latihan pakar terkini dalam bidang itu.

Sebagai contohnya, sebanyak 5,294 kes kematian atau 29.1 peratus daripada jumlah kematian di negara ini pada tahun 1989 adalah akibat penyakit jantung dan antara tahun 1981 hingga 1989, kadar kematian kerana penyakit ini di Semenanjung telah meningkat daripada 15 orang kepada 37 orang bagi setiap 10,000 penduduk.